



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

KPN KOMITED DALAM MEREALISASIKAN REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyambut baik pengumuman oleh YAB Perdana Menteri sempena Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-19 pada Jumaat lalu. Pengumuman ini secara tidak langsung mencerminkan keprihatinan dan penghargaan Kerajaan terhadap mutu dan prestasi penjawat awam di negara ini. Komponen pertama yang ditekankan semasa amanat ini adalah SSPA (Sistem Saraan Perkhidmatan Awam) mengandungi semangat Reformasi Perkhidmatan Awam yang perlu dilaksanakan bagi menjayakan agenda Malaysia MADANI.

Bagi merealisasikan hasrat reformasi Perkhidmatan Awam yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, satu anjakan besar perlu dilaksanakan. Oleh itu, KPN akan mengutamakan **pengukuhan struktur Kementerian dan kompetensi sumber manusia**.

Beberapa fungsi bahagian telah **dimantapkan dengan penyatuan beberapa bahagian** bagi mendukung gerak kerja KPN fokus kepada prestasi yang cemerlang.

Manakala bagi **pusingan kerja (job rotation)** pula, akan melibatkan pengurusan tertinggi di Kementerian terlebih dahulu bagi meningkatkan kebolehan dan kecekapan pengurusan tertinggi dalam memimpin

pasukan masing-masing dan sentiasa bersedia dengan perubahan selaras dengan aspirasi negara.

Perancangan pembangunan sumber manusia juga akan menyusul dengan memberi fokus kepada **kompetensi fungsional** agar warga KPN sentiasa berilmu, kompeten dan prestasi sentiasa ditingkatkan dari semasa ke semasa untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Penambahbaikan proses kerja (business process reengineering) juga akan diberi keutamaan dengan **membawa perkhidmatan terus kepada rakyat** tanpa mereka perlu hadir ke premis KPN serta diikuti beberapa penyelarasan lain merentasi KPN dan agensi juga akan dilaksanakan.

KPN akan terus memberikan penekanan kepada aspek perpaduan dan meletakkannya sebagai asas dalam setiap dasar pembangunan yang dirangka selaras dengan agenda Malaysia MADANI. KPN juga komited dalam memastikan tiga (3) intipati utama reformasi yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa di MAPPA ke -19 iaitu meningkatkan kadar produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam; meningkatkan kesediaan penjawat awam dalam melaksanakan perubahan; dan meningkatkan daya saing negara akan dilaksanakan dengan baik.

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**
19 Ogos 2024